



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#)
[Arkib](#)
[2018](#)
[Petikan Akhbar](#)
[Berita Harian - Bajet 2019 Perlu Tampil Dasar, Hala Tuju Lebih Jelas](#)

Berita Harian - Bajet 2019 Perlu Tampil Dasar, Hala Tuju Lebih Jelas

Khamis, Okt 04 2018



Bajet 2019 perlu tampil dasar, hala tuju lebih jelas

BH 4/10/18

[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI]

AmBank (M) Bhd (AmBank) berharap kerajaan dapat membentangkan dasar serta hala tuju yang lebih jelas dalam pengumuman Bajet 2019 pada 2 November depan sebagai usaha untuk mengukuhkan keyakinan pelabur dalam dan luar negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AmBank, Datuk Sulaiman Mohd Tahir, berkata pihaknya juga yakin dengan penekanan terhadap sektor pengguna, kesihatan dan pendidikan, ia mampu merancakkan pertumbuhan ekonomi serta menarik lebih banyak pelabur.

Beliau berkata, apa yang penting adalah Bajet 2019 perlu berupaya untuk memacu komuniti perniagaan dan seterusnya dapat mewujudkan limpahan manfaat kepada rakyat secara Keseluruhannya.

"Kami berharap Bajet 2019 dapat menentengahkan komponen dasar serta hala tuju yang jelas kerana ia adalah penting kepada semua pihak berkepentingan khususnya mengenai perbelanjaan kerajaan pada



Sulaiman bersama Schiesser (kiri) dan Raja Teh Maimunah pada pelancaran kaedah Pembayaran Dagangan Terus (DMS) oleh AmBank dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) di Kuala Lumpur, semalam.

tahun depan.

"Dari sudut perniagaan, bajet kali ini juga penting kerana ia adalah penentu sektor mana yang akan memperoleh manfaat dan membantu menambah baik kehidupan

rakyat," katanya pada sidang media selepas pelancaran kaedah Pembayaran Dagangan Terus (DMS) oleh AmBank dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PayNet, Peter Schiesser dan Pengarah Urusan Perbankan Borong Kumpulan AmBank, Raja Teh Maimunah Raja Abdul Aziz.

Ambil kira defisit

Sulaiman berkata, berkenaan bajet defisit, kerajaan juga perlu mengambil perhatian terhadap kadar defisit yang bakal dihadapi dengan mengambil kira hasil kerajaan dengan sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang diperkenalkan semula itu.

"Oleh itu hala tuju yang jelas adalah amat penting kerana ia akhirnya perlu memberi manfaat untuk rakyat," katanya. Dalam pada itu, majlis berkenaan menyaksikan PayNet melantik AmBank sebagai bank penguurusan tunai bagi perkhidmatan DMS menerusi sistem Pembayaran dan Penyampaian Invois Elektronik (EIPP) AmBank.

Sulaiman berkata, DMS membolehkan PayNet untuk menguruskan sistem pembayaran Pemeroleh Pihak Ketiga (TPA) kepada peniaga dan pada masa sama meningkatkan kecekapan proses kutipan bayaran peniaga.

"Kami teruja untuk bekerjasama dengan PayNet menerusi penyelesaian perbankan korporat AmBank dengan DMS bagi menyediakan transaksi yang lebih selamat dan yakin kepada pengguna," katanya.

Selain itu, ia juga adalah untuk memastikan keyakinan orang ramai dalam ekosistem pembayaran dalam talian FPX dan MyDebit supaya pembayaran tepat terus kepada peniaga.

Antara TPA yang berada di bawah DMS termasuklah ManagePay Services Sdn Bhd, MOLPAY Sdn Bhd, Revenue Harvest Sdn Bhd, Ipay88 Sdn Bhd, GHL CardPay Sdn Bhd dan GHL ePayments Sdn Bhd.



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

